

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN  
MENTERI**

**DARIPADA : PUAN FUZIAH BINTI SALLEH  
(KUANTAN)**

**TARIKH : 4 OGOS 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta MENTERI TENAGA  
DAN SUMBER ASLI menyatakan secara terperinci:**

- (a) Tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian untuk merawat dan memulih kembali Kawasan Tasik Chini supaya tidak hilang status UNESCO; dan
- (b) pihak manakah yang akan dipertanggung jawabkan untuk memastikan pelan tindakan terlaksana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tasik Chini, Pahang yang berkeluasan 6,922.97 hektar merupakan Tapak Rizab Biosfera yang pertama di Malaysia yang diiktiraf *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) di bawah Program *Man and the Biosphere* (MAB) pada 26 Mei 2009. Selain Tasik Chini, Malaysia turut mendapat pengiktirafan UNESCO bagi Banjaran Crocker, Sabah pada 12 Jun 2014 dan Bukit Bendera, Pulau Pinang pada 15 September 2021.
2. Program MAB merupakan suatu program saintifik antara kerajaan (*inter-governmental*) yang menetapkan asas saintifik bagi memperbaiki pertalian antara manusia dan alam sekitar dengan mengimbangkan keperluan pembangunan dan penjagaan alam sekitar.
3. KeTSA sentiasa komited serta menyokong komitmen dan usaha Kerajaan Negeri Pahang dalam memelihara Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini. Bagi tujuan ini, KeTSA telah menyediakan peruntukan sebanyak lebih RM1.5 juta sejak tahun 2016 bagi melaksanakan pelbagai kajian di Tasik Chini termasuk kajian kualiti air. Kerajaan Negeri Pahang juga telah membelanjakan RM4.018 juta menggunakan peruntukan *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT) yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan menambah baik pengurusan Tasik Chini untuk tempoh 2019-2021.
4. Selain itu, KeTSA melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMS) telah mempergiatkan program penanaman pokok sejak tahun 2015 bagi memulihkan kawasan terosot yang turut melibatkan pihak berkepentingan seperti komuniti Orang Asli. Pada tahun 2022, JPMS dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) melaksanakan program pemulihan dan penghutan semula sekitar kawasan Tasik Chini termasuk dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal Chini dengan peruntukan sebanyak RM800,000.00 di bawah inisiatif bajet Kumpulan Wang COVID-19 (KWC), Kementerian Kewangan Tahun 2022 - Pemerkasaan Komuniti dan Pemuliharaan Kawasan Rizab Biosfera Tasik Chini.

## SOALAN NO : 1

5. Di samping itu, Kerajaan Negeri Pahang juga telah mengambil inisiatif untuk menambah baik dan mengukuhkan pengurusan Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini termasuk mengemas kini pengezonan bagi mengekalkan fungsi Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini,ewartakan Hutan Simpanan Kekal Chini, melaksanakan aktiviti penguatkuasaan secara bersepadu, menghentikan aktiviti melombong dan mengukuhkan tadbir urus Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini.

6. Pada masa kini tiada operasi perlombongan di dalam kawasan Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini. Mengikut rekod Jabatan Mineral dan Geosains hanya tiga (3) pajakan melombong (ML) yang masih berkuat kuasa di dalam kawasan Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini iaitu ML14/2020 (luput pada 16/9/2025), ML15/2020 (luput pada 16/9/2025) dan ML15/2011 (luput pada 21/9/2022). Sebarang permohonan baharu atau penyambungan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) bagi tapak perlombongan dalam kawasan Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini tidak dipertimbangkan berdasarkan dasar semasa Kementerian iaitu walaupun KeTSA menggalakkan usaha membangunkan industri mineral, namun KeTSA masih berpendirian tidak akan menyokong dan mengeluarkan apa-apa Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (OMS) sekiranya permohonan perlombongan adalah di atas tanah berstatus Hutan Simpanan Kekal (HSK) atau rizab perlindungan dan kawasan yang diwartakan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

7. Kerajaan Negeri juga telah mengeluarkan arahan pemberhentian kerja atau pun '*Stop Work Order*' kepada semua aktiviti perlombongan pada 17 Mei 2021 dan masih berkuatkuasa sehingga ke hari ini. Selain itu, Kerajaan Negeri turut melaksanakan moratorium dengan menghentikan semua aktiviti perlombongan di sekitar kawasan Tasik Chini pada 17 Jun 2021 dan beberapa tindakan pencegahan turut diambil termasuklah pemantauan kualiti air Tasik Chini, penguatkuasaan arahan penyediaan laporan EIA, pewartaan rizab Hutan Simpan Chini (tambahan) dan memperluaskan Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini.

## SOALAN NO : 1

8. Kerajaan Negeri juga turut menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Tasik Chini yang terdiri daripada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (Pahang), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Pejabat Tanah dan Galian Pahang.
9. Dari segi tadbir urus, Kerajaan Negeri Pahang telah menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang dan Majlis Biodiversiti Pahang di bawah Enakmen Kerajaan Negeri bagi menguruskan dan menyelaras pelaksanaan pelan pengurusan Tapak Rizab Biosfera Tasik Chini.
10. KeTSA sebagai *national focal point* bagi program MAB sentiasa menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam memelihara dan mempertahankan statusnya sebagai Tapak Rizab Biosfera.

Sekian, terima kasih.